

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	2 APRIL 2015



Najib meneliti resit pembelian ketika meninjau harga barang pada hari pertama pelaksanaan GST di Kota Damansara, semalam. [FOTO BERNAMA]

Najib tinjau harga barang

Petaling Jaya: Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak melakukan tinjauan harga barangan di Pasar Raya Giant Kota Damansara di sini, pada hari pertama pelaksanaan Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST), semalam.

Berbaju kemeja putih, Najib

tiba di premis berkenaan jam 445 petang dan mengambil bakul lalu singgah di bahagian produk penjagaan diri serta membelek harga produk sebelum mengambil ubat gigi.

Beliau turut ke bahagian menjual minuman, makanan dan sayur-sayuran dan mem-

beli milo, roti dan nanas.

Najib yang diiringi Ketua Aktivis Persatuan Pengguna Islam Malaysia (PPIM) Datuk Nadzim Johan; Presiden Gabungan Persatuan Pengguna Malaysia (FOMCA), Datuk N Marimuthu dan Presiden Persatuan Pengguna Pulau Pi-

“
Saya lihat harga barang di sini berpatutan dan barangan keperluan asas berkadar sifar seperti yang ditetapkan Kerajaan”

Najib Razak,
Perdana Menteri

ang SM Mohamed Idris, turut berbual dengan pekeja serta beramah mesra dan bergambar dengan pengunjung.

Selepas 20 minit, Najib ke kaunter pembayaran dan melihat resit pembayarannya.

Perdana Menteri turut memuat naik resit pembelian dalam akaun twitternya.

"Mudah baca dan jelas dalam resit mengenai perbezaan barangan berkadar standard dan zero rated GST (kadar sifar GST). Bagus," kata Najib dalam catatan Twitter itu.

Dalam entri Facebooknya, Najib menulis: "Saya lihat harga barang di sini berpatutan dan barangan keperluan asas berkadar sifar seperti yang ditetapkan Kerajaan."

BERNAMA